

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	: SINAR HARIAN (CAKNA SINAR)		
TARIKH	: 2/1/2019	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	: JABATAN PERHUTANAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Nestlé & YSD tanam sejuta pokok menjelang 2020

SEBAGAI sebahagian daripada komitmennya terhadap kelestarian alam sekitar, Nestlé (Malaysia) Berhad dan Yayasan Sime Darby (YSD) akan melanjutkan usaha sama dalam Projek Rileaf Kinabatangan dengan sasaran baharu untuk menanam sejuta pokok di sepanjang Sungai Kinabatangan menjelang tahun 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, Juan Aranols berkata, Sungai Kinabatangan ialah nadi kehidupan

penting bagi Sabah, memainkan peranan berharga bukan sahaja untuk hidupan liar, tetapi juga manusia.

"Kami berkecak memulihara kepelbagaian biologi ini menerusi Projek Rileaf Kinabatangan dan terus mencipta landskap di mana manusia, alam semula jadi dan agrikultur boleh wujud pada masa sama, dan disatukan oleh sumber penting, iaitu air."

"Kami teruja memperluas lagi Projek Rileaf Kinabatangan demi menanam sejuta pokok menjelang 2020. Visi kami melindungi dan memulihara kepelbagaian biologi Kinabatangan yang kaya dikongsi bersama YSD dan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD), dan kami komited untuk menghidupkan semula Sungai Kinabatangan," katanya.

Kawasan penanaman baharu bagi Projek Rileaf Kinabatangan terletak di kawasan European Union Reduce Emissions From Deforestation and Forest Degradation-Plus (EU REDD+), merupakan inisiatif global menyokong urus tadwir kerajaan bagi mengurangkan penerokaan dan pembasmi hutan.

Ahli Majlis Pentadbiran Yayasan Sime Darby dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Berhad, Datuk Jeffri Salim Davidson berkata, pihaknya berharap Projek Rileaf bukan sahaja akan mengurangkan bahan pencemar dan memelihara habitat hidupan liar di sepanjang sungai, tetapi juga memainkan peranan positif terhadap koridor hidupan liar pedalaman, sengkulari terbahari dan kawasan menghadapi ancaman banjir.

Ketua Pemuliharaan Hutan, Jabatan



Dari kiri: Juan Aranols, Mashor dan Jeffri di tapak Projek Kinabatangan Rileaf.

Perhutanan Sabah, Datuk Mashor Mohd Jaini pula berkata, berbekalkan komitmen menanam sejuta pokok menjelang 2020, Projek Rileaf Kinabatangan akan memberikan sumbangan besar ke arah memulihara hutan riparian di sepanjang Sungai Kinabatangan.

Inisiatif pemuliharaan oleh Nestlé, Projek Rileaf Kinabatangan ditubuhkan tahun 2011 dan disokong YSD sejak 2014.

Projek ini berjaya mencapai sasaran sebelum ini menanam semula di kawasan

seluas 2,500 hektar di sepanjang sungai (bersamaan lebih 3,500 padang bola sepak) pada tahun 2017, dengan 700,000 pokok.

Seiring kesian alam sekitarnya yang positif, Projek Rileaf Kinabatangan juga berjaya memperkasakan masyarakat tempatan tinggal di sepanjang Sungai Kinabatangan, dengan peluang membina keupayaan dan meraih pendapatan tambahan menerusi Komuniti Anak Pokok Kinabatangan (KAPOK), pengeluar anak benih yang berpangkalan di dalam negara.